

12 JUL 1996

Hakim - Saraan

HAKIM MAHKAMAH TINGGI PEROLEHI LEBIH RM16,000 SEBULAN

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Seorang hakim Mahkamah Tinggi yang meletakkan jawatan sebelum mencapai umur 60 tahun, seperti Datuk Syed Ahmad Idid Syed Abdullah Idid, hilang kelayakan memperolehi lebih RM16,000 sebulan dalam bentuk gaji dan elaun.

Dalam pada itu, hakim berkenaan juga tidak layak menggunakan kereta Mercedes Benz 200 bersama pemandu dan pencen serta gratuiti.

Syed Ahmad Idid meletakkan jawatan baru-baru ini ketika berusia 58 tahun. Had umur persaraan wajib bagi hakim ialah 65 tahun.

Mengikut Perkara 8 Akta Saraan Hakim 1971 (Pindaan 1994), seorang hakim boleh meletak jawatan selepas mencapai umur 60 tetapi mereka yang meletakkan jawatan sebelum mencapai umur 60 tidak layak dipertimbangkan bagi pencen dan gratuiti kecuali meletakkan jawatan atas sebab-sebab kesihatan.

Gaji seorang hakim Mahkamah Tinggi ialah RM8,900, beserta RM2,250 sebagai subsidi sewa rumah (atau sebuah rumah lengkap berperabot yang akan diselenggarakan percuma), RM2,800 sebagai elaun keraian dan RM2,400 sebagai elaun khas hakim.

Hakim - Saraan 2 Kuala Lumpur

Mengikut Akta itu, hakim juga layak mempunyai seorang pembantu dan seorang penjaga rumah serta peruntukan RM1,500 setahun bagi penyelenggaraan rumah dan taman.

Syed Ahmad Idid meletak jawatan pada 1 Julai lepas di tengah-tengah spekulasi bahawa seorang hakim terbabit menulis surat layang yang mengkritik Badan Kehakiman.

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah, ketika mengumumkan hasil siasatan kes surat layang Selasa lepas berkata, seorang hakim Mahkamah Tinggi telah dikenal pasti secara positif sebagai penulis surat layang setebal 33 muka surat itu.

Mohtar juga berkata kes itu dengan rasminya ditutup dan beliau membuat keputusan tidak akan mengambil tindakan lanjut "demi kepentingan awam dan keadilan."

Menurut beliau, surat layang itu mengandungi tuduhan menghasut, memfitnah dan mencemuh yang keterlaluan terhadap beberapa hakim termasuk penggunaan perkataan "sow" (babi betina), "ham" (daging babi) dan "ball carrier" (kaki bodek) untuk menggambarkan para hakim.

Beliau juga berkata perletakan jawatan hakim berkenaan sendiri berupa "hukuman paling keras".

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perletakan jawatan sudah memadai sebagai bentuk hukuman bagi hakim Mahkamah Tinggi itu.

Perdana Menteri berkata: "Bagi seorang hakim, perletakan jawatan ialah tindakan yang amat berat dan mungkin memberi kesan terhadap masa depannya (hakim)."

Syed Ahmad Idid dilantik pesuruhjaya kehakiman pada Sept, 1990 sebelum diangkat menjadi hakim Mahkamah Tinggi Borneo pada Mac, 1992. -- BERNAMA

ES RHM JK FAZ